



KORPORASI PEMBANGUNAN DESA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai Lesen Perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam kod yang disebutkan dibawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran tender seperti berikut:

NO. TAWARAN	TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL
KPD/T/2026/04	Membekal dan menghantar dua (2) unit kenderaan pacuan empat roda <i>4WD Single Cab</i> berwarna putih transmisi automatik diesel (AT) ke Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa (KPD), Wisma Pertanian Sabah, Luyang, Kota Kinabalu.	i. PUKONSA: Kod Bidang: 160103 ii. Sijil Taraf Bumiputera (jika ada); dan iii. Lesen niaga yang masih sah.	Bahagian Perolehan & Harta, Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu.
KPD/T/2026/05	Membekal dan menghantar satu (1) unit kenderaan lori 7,500kg (BDM) jenis steel cargo berwarna putih transmisi manual diesel termasuk 'Railing' ke Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa (KPD), Wisma Pertanian Sabah, Luyang, Kota Kinabalu.	i. PUKONSA: Kod Bidang: 160104 ii. Sijil Taraf Bumiputera (jika ada); dan iii. Lesen niaga yang masih sah.	

1.0 Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen : 30 Jun 2026 (Selasa) – 21 Julai 2026 (Selasa)

8.00 pagi hingga 12.30 tengahari (Isnin – Khamis)
8.00 pagi hingga 11.30 pagi (Jumaat)

2.0 Harga Dokumen : RM50.00 (Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang (Money Order)/Bank Draf/Wang Pos atas nama Korporasi Pembangunan Desa. **Cek tidak diterima.**

3.0 Tarikh Tutup Tawaran : 21 Julai 2026 (Selasa), Pukul 10.00 pagi. Dokumen tender yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

4.0 Semua maklumat yang dikehendaki dalam Dokumen Tender hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Korporasi Pembangunan Desa berhak menolak mana-mana dokumen tender yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Korporasi Pembangunan Desa juga tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan penender gagal mendapat tawaran. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil/lesen dan dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tawaran di penjuru kiri sudut atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

Setiausaha Jawatankuasa Tender
Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

5.0 Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti berikut:

Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

6.0 Para Pembekal/Penender **WAJIB** menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN PUKONSA, SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika ada) dan **Lesen Perniagaan yang masih sah** serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil/lesen berkenaan semasa membeli dokumen tawaran.

7.0 Korporasi Pembangunan Desa (KPD) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGURUS BESAR
KORPORASI PEMBANGUNAN DESA**